

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
[KAPIT]
TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 12

Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejak Kerajaan PH mengambil alih sebagai Kerajaan Persekutuan, senaraikan berapa banyak dan beri nama serta nilai bon yang telah diterbitkan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan diperolehi menerusi penerbitan bon dan sukuk Kerajaan daripada sumber dalam negeri dan juga luar negeri. Sejar dengan peraturan kewangan yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di dalam Akta Pinjaman (Tempatan) 1959, Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963, pinjaman hanya dibuat untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan membiayai semula hutang yang matang. Di samping itu, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 juga menetapkan bahawa siling pinjaman luar negeri tidak melebihi RM35 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan bagi enam bulan pertama 2019 adalah sebanyak RM81.3 bilion, merangkumi RM31 bilion terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), RM36 bilion Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII), RM6.5 bilion terbitan Bil Perbendaharaan serta RM7.8 bilion pinjaman luar negeri yang terdiri daripada terbitan Bon Samurai dan pinjaman projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM23.2 bilion adalah untuk membiayai semula hutang yang telah matang dan sebanyak RM58.1 bilion adalah untuk membiayai defisit fiskal Kerajaan berjumlah RM22.4 bilion. Baki sebanyak RM35.7 bilion pula digunakan untuk membiayai semula hutang yang akan matang dalam tempoh Julai - Disember serta defisit fiskal.